

EMOTIONAL PROBLEMS AMONG KINDERGARTEN TEACHERS: AN OVERVIEW FROM COMMUNITY PERSPECTIVE

Masalah Emosi dalam Kalangan Guru Tadika: Satu Tinjauan dari Perspektif Masyarakat

Nurul Farhanah Shabuddin
Universiti Selangor
farhanahhhh98@gmail.com

Nur Hanasuha Halim
Universiti Selangor
hanasuha22@gmail.com

Muhammad Safar Abdurahman
Universiti Selangor
m.safar07@unisel.edu.my

Abstract

Emotional intelligence is an important aspect that should be present in every teacher. Emotions will influence every action of the teacher, and good emotional intelligence guarantees the quality of teacher service. However, many cases related to emotional problems among kindergarten teachers were reported recently. Therefore, this study was conducted to identify the community's perception towards the causes of emotional problems among kindergarten teachers and the community's recommendations on emotional problems. This quantitative study was conducted by distributing a survey questionnaire. The data obtained were analysed descriptively using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) program. Findings showed that personal problems are the leading cause of emotional problems among kindergarten teachers (mean score 3.62). In contrast, the recommendation for teachers to be open and empathetic with the situation or weakness of each child had recorded the highest mean score of 3.79.

Keywords: Emotional intelligence, emotional problems, perception, recommendation, kindergarten teachers

Abstrak

Kecerdasan emosi merupakan aspek penting yang perlu ada dalam diri setiap guru. Emosi akan mempengaruhi setiap tindakan guru dan kecerdasan emosi yang baik menjamin kualiti perkhidmatan guru. Namun, kebelakangan ini timbul kes-kes yang berkaitan dengan masalah emosi dalam kalangan guru tadika. Justeru kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti persepsi

masyarakat terhadap punca masalah emosi dalam kalangan guru tadika dan saranan masyarakat mengenai masalah emosi berkenaan. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk tinjauan menggunakan soal selidik. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif menggunakan program Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Dapatan menunjukkan bahawa masalah peribadi merupakan punca utama masalah emosi dalam kalangan guru tadika (skor min 3.62) manakala saranan agar guru perlu bersikap terbuka dan empati dengan situasi atau kelemahan setiap kanak-kanak mencatatkan skor min tertinggi iaitu sebanyak 3.79.

Kata kunci: Kecerdasan emosi, masalah emosi, persepsi, saranan, guru tadika

PENGENALAN

Pada tahun 1998, Daniel Goleman telah mendefinisikan kecerdasan emosi atau EQ sebagai kemampuan untuk mengawal dan mengelola diri sendiri serta orang lain dari aspek perasaan, emosi dan tingkah laku. Kecerdasan emosi terbahagi kepada lima komponen iaitu kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi sendiri, kesedaran emosi sosial dan kemahiran sosial. Kelima-lima komponen ini memainkan peranan yang berbeza-beza dan ianya sangat penting dalam membantu individu dari aspek emosi terutamanya guru. Hal ini demikian kerana dalam membimbing dan menghadap kanak-kanak yang pelbagai karenah dan ragam, guru memerlukan tahap kesabaran yang tinggi serta mahir mengawal emosi dengan baik dalam mengendalikan kanak-kanak ini. Justeru itu, kecerdasan emosi penting terhadap guru bagi memastikan guru dapat membimbing dan mendidik kanak-kanak dalam keadaan dan suasana yang lebih harmoni.

Meskipun begitu, kini acap kali kita mendengar pelbagai khabar angin mengenai isu penderaan kanak-kanak dalam kalangan guru di tadika mahupun taska. Isu berkaitan penderaan kanak-kanak di taska atau tadika ini sering kali berlaku dalam dunia pendidikan awal kanak-kanak. Namun, isu-isu ini tidak diketahui dan didedahkan kepada umum memandangkan medium penyebaran maklumat pada suatu ketika dahulu yang kurang canggih dan serba moden berbanding sekarang. Segala penyebaran maklumat mahupun info mengenai pelbagai isu-isu kini hanya boleh disebarkan melalui hujung jari dengan adanya pelbagai aplikasi seperti Facebook, Twitter, Instagram dan banyak lagi untuk penyebaran maklumat. Dengan adanya aplikasi berkenaan, berita atau isu berkaitan penderaan yang berlaku di tadika mudah tersebar kepada pengetahuan umum.

Isu penderaan ini sebenarnya berkait rapat dengan masalah emosi yang dialami oleh guru. Menurut mantan Menteri Pendidikan Malaysia, Dr Maszlee Malik, sebanyak 4.4% atau 2,123 daripada 48258 guru dikenal pasti mengalami stres atau tekanan emosi tahap sederhana tinggi pada tahun 2017 (Berita Harian Online, 2018). Saban hari, isu penderaan kanak-kanak kerap didengari di media massa dan media sosial, situasi ini menunjukkan bahawa masalah emosi dalam kalangan guru perlu diambil serius memandangkan ia melibatkan kanak-kanak.

Pada 16 Oktober 2015 di Terengganu, telah digemparkan apabila tersebar satu video di media sosial di mana seorang pengasuh bertindak agresif dengan menampar muka beberapa kali dan menutup muka seorang kanak-kanak dengan sehelai tuala sambil mukanya dipicit-picit agar kanak-kanak tersebut berhenti menangis. Kemudian, pada 23 Januari 2017, telah dimuat naik beberapa keping gambar yang menggemparkan dipercayai dimuat naik oleh bekas pekerja institusi tersebut di Bangi. Gambar-gambar yang dimuat naik jelas menunjukkan keadaan kanak-kanak di taska tersebut di mana bahagian kaki, tangan dan mulut mereka telah diikat dengan kain. Mereka dipaksa untuk tidur dan tidak diberi kebebasan untuk bermain dan bergerak bebas seperti kanak-kanak seusia mereka yang lain. Setelah siasatan dilakukan, dipercayai institusi ini telah beroperasi sejak hampir 4 bulan tanpa lesen dan dalam proses untuk mendapatkan lesen.

Seterusnya, pada 13 Ogos 2018 di Ayer Keroh, Melaka pula telah tular 2 buah video yang menunjukkan tindakan dua orang guru di mana salah seorangnya telah mengangkat seorang kanak-kanak perempuan dan meletakkannya di atas tubuh seorang kanak-kanak lelaki yang terbaring sambil mencubitnya manakala guru lainnya pula telah menampar seorang kanak-kanak lelaki hingga terjatuh dari kerusi.

Pada 14 November 2019 di Kuala Lumpur, telah digemparkan dengan satu kes apabila guru dipercayai menggores kepala bayi lelaki berumur 1 tahun 4 bulan menggunakan pin tudung dalam keadaan marah sehingga bayi itu mengalami kesan calar di kepalanya. Guru tersebut memberikan alasan bahawa dia melakukan perkara tersebut kerana geram apabila diminta untuk melakukan kerja yang banyak.

Baru-baru ini pada 26 Mac 2021, telah tersebar satu video yang menjadi perbualan hangat pengguna-pengguna media sosial di mana, seorang guru melayan kanak-kanak dengan

kasar iaitu dengan membaling kanak-kanak tersebut sambil diperhatikan oleh kanak-kanak lain di dalam kelas. Kes-kes yang telah berlaku ini menjadi titik tolak kepada pengkaji untuk mendapatkan persepsi masyarakat berkenaan masalah emosi dalam kalangan guru tadika.

Kesimpulannya, masyarakat pada hari ini melihat, mendengar dan mempunyai pendapat masing-masing terhadap punca masalah emosi yang dialami oleh guru tadika, melalui isu-isu semasa, media sosial dan luahan rakan yang bekerja sebagai guru tadika. Oleh itu kajian ini adalah untuk melihat pandangan masyarakat terhadap masalah gangguan emosi para guru dan mencadangkan beberapa saranan yang dapat mengurangkan masalah emosi dalam kalangan guru tadika melalui pengetahuan dan isu - isu yang dihadapi oleh mereka.

Objektif Kajian

1. Mengetahui pasti persepsi masyarakat terhadap punca masalah emosi dalam kalangan guru tadika.
2. Mengetahui pasti cadangan dan saranan masyarakat yang dapat mengurangkan masalah emosi dalam kalangan guru tadika

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk tinjauan yang menggunakan borang selidik sebagai instrumen kajian. Lokasi kajian tidak ditetapkan secara spesifik dan terbuka kepada semua masyarakat. Pemilihan responden adalah secara bukan rawak iaitu penglibatan mereka adalah secara sukarela.

Soal selidik yang digunakan terdiri daripada tiga bahagian iaitu maklumat demografi, persepsi mengenai masalah emosi dalam kalangan guru tadika dan saranan berhubung masalah emosi dalam kalangan guru tadika. Soal selidik berkenaan ditadbir secara talian menggunakan aplikasi '*Google Form*' selama tiga minggu. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 25.0. Nilai *Cronbach Alfa* bagi soal selidik berkenaan adalah 0.803 dan jumlah responden adalah seramai 253 orang.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Demografi Responden

Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut jantina yang terlibat dalam kajian ini iaitu seramai 253 orang. Seramai 175 orang atau 69.2 % responden adalah terdiri daripada golongan perempuan dan selebihnya seramai 78 orang persamaan dengan 30.8 % adalah terdiri daripada golongan lelaki.

Jadual 1: Taburan responden mengikut jantina

Jantina	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Lelaki	78	30.8
Perempuan	175	69.2
Jumlah	253	100

Jadual 2 di atas menunjukkan taburan responden mengikut umur. Golongan berumur 40 tahun dan ke atas merupakan kelompok umur responden yang terbesar iaitu sebanyak 38.7 % daripada keseluruhan responden, diikuti dengan kelompok umur 22 hingga 25 tahun sebanyak 34.0 %. Kelompok umur 26 hingga 30 tahun dan 18 hingga 21 tahun merupakan kelompok umur responden yang terendah iaitu masing-masing sebanyak 6.7 % dan 7.5 %.

Jadual 2: Taburan responden mengikut umur

Umur	Kekerapan (n)	Peratus (%)
18 – 21 tahun	19	7.5
22 – 25 tahun	86	34.0
26 – 30 tahun	17	6.7
31 – 39 tahun	33	13.0
40 tahun dan ke atas	98	38.7
Jumlah	253	100

Jadual 3 di atas menunjukkan taburan responden mengikut tahap pendidikan. Responden yang mempunyai kelayakan di peringkat Ijazah Sarjana Muda merupakan kelompok responden yang terbesar iaitu seramai 164 orang mewakili 64.8 % daripada

keseluruhan responden. Seterusnya diikuti dengan kelayakan di peringkat Diploma/STPM (17.8 %), SPM (8.7 %), Sarjana (7.1 %) dan yang terendah adalah lain-lain mewakili 1.6 % sahaja.

Jadual 3: Taburan responden mengikut tahap pendidikan

Tahap Pendidikan	Kekerapan (n)	Peratus (%)
SPM	22	8.7
Diploma / STPM	45	17.8
Ijazah Sarjana Muda	164	64.8
Sarjana	18	7.1
Lain-lain	4	1.6
Jumlah	253	100

Jadual 4 di atas menunjukkan taburan responden mengikut status perkahwinan. Seramai 135 responden mewakili 53.4 % sudah berkahwin dan 45.8 % adalah berstatus bujang. Manakala selebihnya adalah lain-lain mewakili sebanyak 0.8 % sahaja.

Jadual 4: Taburan responden mengikut status perkahwinan

Status Perkahwinan	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Bujang	116	45.8
Berkahwin	135	53.4
Lain-lain	2	0.8
Jumlah	253	100

Jadual 5 di atas menunjukkan taburan responden mengikut sektor pekerjaan. Majoriti responden terdiri daripada pelajar dan pekerja sektor kerajaan iaitu masing-masing mewakili sebanyak 31.2 % (79 orang) daripada keseluruhan responden. Seramai 73 orang responden (28.9 %) bekerja di sektor swasta dan selebihnya bekerja sendiri mewakili 5.5 % dan lain-lain sebanyak 3.2 %.

Jadual 5: Taburan responden mengikut sektor pekerjaan

Sektor Pekerjaan	Kekerapan (n)	Peratus (%)
-------------------------	----------------------	--------------------

Kerajaan	79	31.2
Swasta	73	28.9
Bekerja sendiri	14	5.5
Pelajar	79	31.2
Lain-lain	8	3.2
Jumlah	253	100

Persepsi Masyarakat Terhadap Punca Masalah Emosi Dalam Kalangan Guru Tadika

Jadual 6 di atas menunjukkan dapatan analisis persepsi masyarakat terhadap punca masalah emosi dalam kalangan guru tadika. Analisis menunjukkan bahawa item 4 iaitu masalah peribadi seperti masalah keluarga, kewangan dan kesihatan merupakan punca utama guru mengalami tekanan emosi. Item berkenaan mencatat skor min 3.62 dengan kekerapan menunjukkan seramai 173 orang (68.7%) memilih sangat setuju dan seramai 69 orang (27.3%) memilih setuju.

Jadual 6: Analisis persepsi masyarakat terhadap punca masalah emosi dalam kalangan guru tadika

Bil	Item	Kekerapan				Min
		STS n (%)	TS n (%)	S n (%)	SS n (%)	
1	Guru tidak menjalani ujian saringan Depression Anxiety Stress Scale (DASS)	27 (10.7)	34 (13.4)	113 (44.7)	79 (31.2)	2.96
2	Guru tidak dipantau dari semasa ke semasa oleh pihak majikan bagi memastikan guru sihat dari segi mental.	25 (9.9)	32 (12.6)	100 (39.5)	96 (37.9)	3.06
3	Guru kurang diberi pendedahan tentang cara untuk meningkatkan tahap kecerdasan emosi.	17 (6.7)	45 (17.8)	109 (43.1)	82 (32.4)	3.01
4	Guru mempunyai masalah peribadi seperti masalah keluarga, kewangan dan kesihatan	2 (0.8)	9 (3.6)	69 (27.3)	173 (68.7)	3.63
5	Guru berstatus bujang kurang pengalaman dalam mengendalikan kanak-kanak	29 (11.5)	89 (35.2)	89 (35.2)	46 (18.2)	2.60
6	Jumlah murid yang ramai di dalam satu kelas menyebabkan guru sukar mengawal emosi.	5 (2)	38 (15)	107 (42.3)	103 (40.7)	3.22

7	Salah faham antara ibu bapa dan guru menyebabkan kanak-kanak menjadi mangsa	24 (9.5)	61 (24.1)	95 (37.5)	73 (28.9)	2.86
8	Gaji yang diterima tidak setimpal dengan beban kerja yang dilakukan guru	17 (6.7)	58 (22.9)	93 (36.8)	85 (33.6)	2.97
9	Guru kurang empati dengan keadaan kanak-kanak serta sukar memahami kehendak mereka.	27 (10.7)	73 (28.9)	93 (36.8)	60 (23.7)	2.74

Menurut Kloska (2005), sesetengah guru diberikan gaji yang tidak berbaloi dengan bebanan tugas yang dijalankan dan para guru mengharapkan gaji yang setimpal dengan tugas yang dipikul. Hal ini demikian kerana, guru tadika mempunyai tanggungjawab dan skop kerja yang lebih besar berbanding guru sekolah rendah dan sekolah menengah untuk mengendalikan kanak-kanak. Tan (2002) menyatakan bahawa terdapat sepuluh faktor utama yang menyebabkan guru mengalami masalah salah satunya adalah faktor gaji yang kurang. Merujuk kepada kajian lepas yang dinyatakan, faktor gaji merupakan salah satu punca seseorang pekerja itu mengalami tekanan emosi termasuk pekerja dalam bidang pendidikan. Kajian lepas, Syed Lamsah Syed Chear (2020), menunjukkan purata gaji guru tadika iaitu seramai 57.8% guru tadika masih menerima gaji kurang daripada RM1,000. Menurut beliau, guru yang berkecukupan dalam industri pendidikan awal kanak-kanak tetapi dibayar gaji pada skala yang rendah. Oleh itu, berdasarkan gaji minimum yang diperolehi oleh guru menimbulkan persepsi masyarakat bahawa punca masalah emosi terhadap guru adalah disebabkan tahap gaji yang sedikit dan tugas yang dipikul tidak setanding dengan gaji yang dibayar.

Cooper (1981) tengah menyatakan terdapat enam punca stres kerja yang mempunyai hubungkait antaranya adalah masalah peribadi. Masalah peribadi yang menjadi punca seseorang mengalami tekanan emosi adalah termasuk faktor masalah keluarga dan kewangan. Guru tadika yang mempunyai masalah peribadi akan mendorong mereka sukar untuk mengawal emosi ketika bekerja atau berhadapan dengan kanak - kanak. Menurut Nurul Fatimah (2019), melalui hasil dapatan kajian guru mengalami “*burnout*” adalah mungkin disebabkan oleh guru tadika mengalami masalah semasa menjalankan tugas sebagai guru tadika atau mereka mempunyai masalah peribadi yang boleh mengganggu aktiviti sepanjang pembelajaran dan pengajaran dijalankan.

Selain itu, tahap kesihatan guru juga sangat penting dalam mengawal emosi diri terutamanya semasa bersama kanak-kanak. Terdapat pelbagai isu penderaan kanak-kanak dan kes bunuh diri yang melibatkan guru tadika punca daripada kegagalan dalam mengawal emosi. Melalui hasil dapatan Siti Nur Ain et al. (2020) menunjukkan faktor kerenah kanak-kanak serta tanggungjawab guru semasa menjalankan tugas mempengaruhi kesihatan mental guru. Oleh itu terdapat segelintir guru tadika melepaskan emosi terhadap kanak-kanak. Guru yang bertindak tanpa kawalan mungkin mempunyai masalah kesihatan mental akan tetapi tidak diketahui oleh orang sekeliling termasuk pihak pentadbir. Merujuk kepada kajian Mohamad dan Ibrahim (2018) membuktikan bahawa bidang pendidikan mempunyai risiko yang tinggi dalam mengalami masalah tekanan. Pernyataan ini menyokong hasil kajian yang diperolehi melalui persepsi masyarakat terhadap punca masalah emosi dalam kalangan guru. Oleh hal demikian, guru perlu menjaga kesihatan secara fizikal dan mental supaya tahap kecerdasan para guru lebih tinggi.

Seterusnya item 5 iaitu guru berstatus bujang kurang pengalaman dalam mengendalikan kanak-kanak pula mencatatkan skor min yang paling rendah iaitu 2.6. Item ini mencatatkan kekerapan seramai 46 orang responden (18.2 %) sahaja yang memilih sangat setuju dan 89 orang responden (35.2 %) yang memilih setuju dengan pernyataan ini. Hal ini menunjukkan bahawa status guru yang belum berkahwi tidak memberi pengaruh yang besar terhadap emosi mereka dalam mengendalikan kanak-kanak. Malah sebaliknya, individu yang sudah berkeluarga lebih cenderung untuk mengalami masalah emosi akibat konflik kerja-keluarga (Siti Aisyah Panatika & Siti Khadijah Zainal Badri, 2012)

Emosi guru akan lebih terkawal jika seseorang guru itu mempunyai banyak pengalaman kerana mereka sudah memperolehi pengetahuan dalam mengawal dan mengendalikan kanak-kanak di tadika. Menurut Bullock et al. (2015), menunjukkan bahawa pengalaman mengajar dan tret personaliti seseorang guru dapat meningkatkan keberkesanan dalam aspek sendiri mereka dalam pengurusan bilik darjah. Oleh itu, pengalaman seorang guru bukan bergantung pada status seseorang untuk mencari ilmu pengetahuan dalam mengendalikan kanak-kanak. Secara tidak langsung, tahap kecerdasan emosi guru juga akan meningkat dengan pengawalan emosi yang baik dan guru dapat mengendali serta mengawal kanak-kanak tanpa menggunakan kekerasan demi lepaskan perasaan.

Saranan Masyarakat Mengenai Masalah Emosi Dalam Kalangan Guru Tadika

Jadual 7 menunjukkan dapatan analisis saranan masyarakat mengenai masalah emosi dalam kalangan guru tadika. Analisis menunjukkan item 9 iaitu guru perlu bersikap terbuka dan empati dengan situasi atau kelemahan setiap kanak-kanak merupakan saranan masyarakat yang paling utama. Item ini mencatat skor min yang tertinggi iaitu sebanyak 3.79 dengan nilai kekerapan seramai 205 orang (81.0%) memilih sangat setuju dan 45 orang (17.8 %) memilih setuju dengan pernyataan ini. Manakala hanya seorang sahaja (0.4%) memilih sangat tidak setuju dan dua orang (0.8%) memilih tidak setuju dengan saranan berkenaan.

Jadual 7: Analisis saranan masyarakat mengenai masalah emosi dalam kalangan guru tadika

Bil	Item	Kekerapan				Min
		STS n (%)	TS n (%)	S n (%)	SS n (%)	
1	Majikan perlu membuat saringan Depression Anxiety Stress Scale (DASS) terhadap guru.	0 (0)	3 (1.2)	70 (27.7)	180 (71.1)	3.70
2	Majikan perlu memantau dari semasa ke semasa tahap kecerdasan emosi para guru.	1 (0.4)	2 (0.8)	73 (28.9)	177 (70)	3.68
3	Guru perlu diberi pendedahan cara mengawal dan mengendali emosi.	0 (0)	0 (0)	60 (23.7)	193 (76.3)	3.76
4	Guru perlu mendapatkan khidmat nasihat dan kaunseling secara berkala daripada pakar psikologi.	1 (0.4)	7 (2.8)	76 (30)	169 (66.8)	3.63
5	Majikan perlu menghantar guru menyertai program sosial dan latihan mengajar untuk memberikan lebih banyak pengalaman.	1 (0.4)	7 (2.8)	65 (25.7)	180 (71.1)	3.68
6	Pengusaha tadika perlu mematuhi nisbah murid dan guru di dalam kelas yang telah ditetapkan.	0 (0)	3 (1.2)	51 (20.2)	199 (78.7)	3.77
7	Ibu bapa perlu bertolak ansur dan bekerjasama dengan guru bagi mengurangkan tekanan emosi	1 (0.4)	3 (1.2)	46 (18.2)	203 (80.2)	3.78
8	Majikan perlu menawarkan gaji setimpal dengan beban tugas yang diberikan.	1 (0.4)	3 (1.2)	59 (23.3)	190 (75.1)	3.73
9	Guru perlu bersikap terbuka dan empati dengan situasi atau kelemahan setiap kanak-kanak.	1 (0.4)	2 (0.8)	45 (17.8)	205 (81)	3.79

Sikap keterbukaan dan empati dalam diri seorang guru memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap kecerdasan emosi. Teori Kecerdasan Kepelbagaian Howard Gardner (2019), terdapat aspek interpersonal di mana seseorang itu perlu mempunyai sifat memahami keadaan orang lain, membezakan emosi dan sentiasa memikirkan perkara positif terhadap orang lain. Guru yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi berpotensi mempunyai sikap interpersonal yang baik semasa berhadapan dengan kanak-kanak. Pemilik kecerdasan interpersonal, Armstrong (1994), menyatakan sifat interpersonal dalam diri seseorang akan aktif dalam penyertaan dalam aktiviti-aktiviti sosial. Guru sentiasa akan berhadapan dengan orang ramai dan memerlukan kemahiran sosial yang baik bagi meningkatkan keyakinan dalam diri. Secara tidak langsung, dengan adanya keyakinan tinggi dalam diri maka peningkatan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan guru tadika memberi impak yang positif (Zarina Hashim, 2013). Hal ini demikian kerana guru adalah agen sosialisasi melalui interaksi dengan individu lain sama ada secara verbal atau non-verbal (Siti Aminah Salleh, 2012).

Seterusnya, menurut Siti Nur Ain et al. (2020), guru tadika yang mempunyai ciri personaliti “*openness*” akan mendorong seseorang guru untuk bersikap terbuka dengan pandangan yang diberikan serta menerima kelakuan kanak-kanak dan bertindak semasa melakukan sesuatu dengan memikirkan pengalaman yang telah dilalui. Hal ini disokong oleh Dzulwaqar Dzulkarnain (2013) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa guru boleh menerima dan menyokong kanak-kanak sama ada melalui perkataan mahupun perbuatan yang ditunjukkan dengan baik. Sikap keterbukaan dalam kalangan guru amat penting untuk mengelakkan guru memikirkan perkara negatif yang akan membuatkan guru lebih tertekan dan tidak dapat mengawal emosi dengan baik semasa mengendalikan kanak-kanak. Dapatan ini disokong dengan kajian Salovey dan Mayer (1990), di mana individu yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi akan lebih toleransi serta boleh menilai emosi dan perasaan seseorang. Guru yang bersikap terbuka, empati dan memahami sifat kanak-kanak yang mempunyai perbezaan dari segi perkembangan masing-masing dapat meningkatkan tahap kecerdasan setiap guru, Oleh itu, semua guru tadika perlu bersangka baik dan berfikiran positif sepanjang mengendalikan kanak - kanak supaya tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran serta emosi antara guru dan kanak-kanak di tadika

Item 4 mencatat skor min paling rendah iaitu 3.63, iaitu saranan guru perlu mendapatkan khidmat nasihat dan kaunseling secara berkala daripada pakar psikologi. Item ini mencatat kekerapan yang memilih sangat setuju adalah seramai 169 orang (66.8 %) manakala hanya seorang (0.4 %) sahaja yang memilih sangat tidak setuju dengan saranan berkenaan.

Menurut Pakar Psikiatri UiTM Private Specialist Centre (UPSC), Dr Nor Jannah Nasution Raduan (2021) berkata, perilaku mempamerkan rasa marah dengan reaksi negatif menunjukkan seseorang mempunyai masalah kekurangan kecerdasan emosi (EQ). Justeru itu, motivasi yang membina sangat penting dan diperlukan oleh setiap individu termasuk guru tadika. Bagi meningkatkan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan guru tadika, mereka perlu mendapatkan khidmat nasihat dan kaunseling secara berkala daripada pakar psikologi atau kauselor sekiranya menghadapi masalah berkaitan dengan emosi. Menurut Lia et al. (2018), profesion perguruan adalah salah satu bidang yang mempunyai cabaran dan tekanan yang tinggi. Hal ini demikian kerana bidang pendidikan ini memerlukan kemahiran dan kebolehan yang melibatkan perkhidmatan sosial. Segelintir guru enggan meluahkan perasaan serta berkongsi masalah dengan orang sekeliling terutamanya guru wanita. Tindakan ini menyumbang masalah tekanan emosi yang melampau sehingga menjejaskan kesihatan mental para guru. Kajian Othman dan Sivasubramaniam (2019), terbukti masalah kemurungan banyak berlaku dalam kalangan guru wanita iaitu sebanyak 43.9% berbanding guru lelaki hanya 40%. Golongan guru yang banyak menceburi dunia pendidikan awal kanak-kanak adalah kebanyakannya golongan wanita. Oleh itu, guru perlu mendapatkan khidmat nasihat dan kaunseling secara berkala bagi meningkatkan tahap kecerdasan emosi dalam diri mereka.

KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa masalah emosi dalam kalangan guru tadika telah mendatangkan pelbagai perspektif dari kalangan masyarakat. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa tugas atau profesion sebagai seorang guru tadika bukanlah satu profesion yang mudah seperti yang dilabelkan oleh masyarakat pada masa kini. Guru bukan sahaja perlu menjalankan tanggungjawab hakiki mereka, malah mereka juga perlu memastikan tahap kecerdasan emosi mereka berada pada tahap yang baik agar segala tindakan mereka tidak mendatangkan kesan negatif. Ibu bapa yang terlibat secara langsung atau tidak langsung terhadap kanak-kanak di tadika seharusnya bersikap tolak ansur, saling membantu dan tidak

mengambil sikap lepas tangan dengan menyerahkan segala bebanan kepada guru. Masyarakat juga tidak harus menghukum guru-guru tadika secara keseluruhan hanya kerana kesalahan yang dilakukan oleh segelintir dari kalangan mereka.

Rujukan

- Abdul Halim Masnan, Nur Ellina Anthony & Nur Arifah Syahindah Zainudin (2019). The Knowledge of Teaching among Preschool Teachers. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 8, 33-41. DOI:<https://doi.org/10.37134/jpak.vol8.5.2019>
- Berita Harian Online (2018, Ogos 28), 4.4 peratus Guru Stress. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/08/467001/44-peratus-guru-stres>
- Bullock, A., Coplan, R. J. & Bosacki, S. (2015). Exploring links between early childhood educators' psychological characteristics and classroom management self-efficacy beliefs. *Canadian Journal of Behavioural Science*.
- Cooper, C. L. (1981). *Psychology and Management*. The MacMillan Press Limited. Psychology. 65, 49-67.
- Dalila Abdul Muttalip, Ruslin Amir & Salleh Amat (2021). Relationship Between Headmaster Leadership Behaviour, Teacher Workload and Job Performance Among Teacher. *Jurnal Dunia Pengurusane*, 3(1), 30-40.
- Gardner, H. (1993). *Multiple intelligences: The theory into practice*. New York: Basic Books.
- Haslina Binti Ahmad (2013). *Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Teknik Kementerian Pendidikan Malaysia Berdasarkan Model Dulewicz dan Higg's*. Diperoleh daripada <https://core.ac.uk/download/pdf/20350036.pdf>
- Jasmi, K. A., Abd. Rahman, K., Muhammad, A., Mustari, M. I., & Ismail, M. F. (2012). Pembinaan Hubungan Baik antara Guru dengan Pelajar dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam in Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012]. *International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012]*, 319-329.
- Kubait, M., I. & Mfon, E. I. (2016). Impact of job satisfaction and burnout on attitudes towards strike action among employees of a Nigerian University. *Journal of Higher Education Policy and Management* 38(6). 664- 675.
- Kloska, A. (2005). Teacher Stress. *Maladjustment and Therapeutic Education*, 3(2), 19-26.
- Laila Binti Ajang & Kamariah Abu Bakar (2019). Burnout Among Early Childhood Education Teachers: Causes and Implications. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(31), 359-372.
- Mohamad, M. S., & Ibrahim, R. (2018). Perbezaan gender tekanan psikologikal dan kesihatan mental dalam kalangan pelajar prasiswazah. *Jurnal Personalita Pelajar*, 21(1), 55-66.
- Mohd Khairuddin Abdullah & Maspiah Sekong (2017). Kecerdasan Emosi dan Komitmen Guru Terhadap Organisasi. *Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial (JPsiKS)*, 1, 44-45.

- Nurul Fatimah (2019). *Burnout dan hubungannya dengan kepuasan kerja dalam kalangan Guru Tadika*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman, Z., & Sivasubramaniam, V. (2019). Depression, anxiety, and stress among secondary school teachers in Klang, Malaysia. *International Medical Journal*, 26(2), 71-74.
- Salovey, P. & Mayer, J. D. (1990). Emotional Intelligence. *Imagination, Cognition and Personality*, 9, 185-211.
- Siti Aisyah Panatika & Siti Khadijah Zainal Badri (2012). Konflik Kerja-keluarga, Kesihatan Mental dan Kecenderungan Tukar Ganti Kerja dalam Kalangan Guru. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*, 59, 51-56.
- Siti Nur Ain Binti Rembli, Norazlina Binti Ripain & Marhaini Binti Abdul Ghani (2020). Tekanan Pekerjaan dan Kesihatan Mental Guru. *Proceeding of the 7th International Conference on Management and Muamalah 2020 (ICoMM 2020)*, e-ISSN:2756-8938.
- Tan, Huat Chye (2002). *Tekanan kerja di kalangan guru SJKC dalam daerah Gombak*. Tesis (M.Ed.) yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.